

MAHATHIR-PELAJAR  
(1)

1984

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN  
SYDNEY, 13 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN MERANCANG. PENUBUHAN KOLEJ  
KOMUNITI BAGI MENYEDIAKAN PARA PELAJAR YANG AKAN MELANJUTKAN  
PELAJARAN KE UNIVERSITI LUAR NEGERI, PERDANA MENTERP DATUK. SERI  
DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN DI SINI.

KATANYA, KOLEJ-KOLEJ ITU YANG AKAN DIKENDALIKAN SEPERTI TAYLOR  
COLLEGE AKAN MENGAMBIL PELAJAR YANG DITAJA OLEH KERAJAAN DAN JUG4  
PELAJAR, PERSENDXRIAN UNTUK KURSUS TAHUN PERTAMA DALAM PELBAGAI  
BIDANG SEPERTI DI UNIVERSITI-UNIVERSITI LUAR NEGERI.

SELEPAS KURSUS ITU, PARA PELAJAR ITU DIHARAP AKAN DITERIMA  
MENGIKUTI KURSUS-KURSUS TAHUN DUA DI UNIVERSITI LUAR NEGERI, KATA  
DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA BERUCAP KEPADA 100 ORANG WAKIL PELAJAR  
DARISINI, HOBART DAN MELBOURNE MALAM TADI.

SEBELUM INI, DIUMUMKAN LANGKAH ITU BUKAN SAHAJA DAPAT  
MENJIMATKAN PERBELANJAAN DAN MENJIMATKAN PERTUKARAN HANG LUAR NEGERI  
TETAPI JUGA MENENTUKAN PARA PELAJAR YANG DIHANTAR ME LUAR NEGERI  
CUKUP MATANG SUPAYATIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN UNSUR-UNSUR  
NEGATIF.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENXMBULKAN CADANGAN INI  
SEMASA PERBINCANGAN DENGAN RAKAN SEJAWATNYA DARI AUSTRALIA, ENCIK  
BOB HAWKE YANG TELAH BERJANJI AKAN CUB4 MENDAPATKAN  
UNIVERSITI-UNIVERSITI DISINI MENGHANTAR GURU UNTUK KOLEJ YANG  
DIRANCANGKAN ITU. -- LAGI

MAHATHIR-PELAJAR 2 SYDNEY,

++ INIAKAN MEMPERCEPAT PENGIKTIRAFAN KURIKULUM YANG DITAWARKAN  
OLEH KOLEJ-KOLEJ TERSEBUT, ++ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN LANGKAH KE ARAH INI TELAH PUN  
DIMULAKAN APABILA PARA PELAJAR YANG DITAJA OLEH KERAJAAN KE SEBERANG  
LAUT DIKEHENDAKI MENJALANI KURSUS ORIENTASI ENAM BULAN APABILA MEREKA  
DIKEHENDAKI LULUS TOEFEL MASING-MASING.

MENGENAI KEMUNGKINAN AUSTRALIA HENAIKKAN YURAN BAGI  
-PELAJAR-PELAJAR ASING SEJAJAR DENGAN LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH  
BRITAIN, PERDANA MENTERI BEWKATA IA ADALAH HAK AUSTRALIA SEBAGAI  
SEBUAH NEGARA YANG HERDEKA.

BAGAIMANAPUN DALAM PERBINCANGAN ITU BELIAU TIDAK PULA MENYATAKAN  
KEPADA ENCIK HAWKE BAHAWA NEGARA ITU AKAN MENIKMATI TUKARAN WANG  
ASING DENGAN MENGEKALKAN PELAJAR-PELAJAR ASING DI  
UNIVERSITI-UNIVERSITI NEGARA ITU.

BELIAU BERKATA BAGI PIHAK MALAYSIA APAJUGA LANGKAH YANG DIAMBIL  
OLEH AUSTRALIA UNTUK MENAIKKAN YURAN ++ ADALAH MENJADI BEBAN KEPADA  
KITA.

+KAMI TELAH PUN MENGHANTAR PERWAKILAN KEPADA KERAJAAN AUSTRALIA  
MENGENAI KELUHAN PARA PELAJAR ITU TERUTAMA SEKALI 9,500 ORANG  
PELAJAR YANG SEDANG MENUNTUT DISINI, + KATANYA. -- LAGS

1130MST 13 08 84

MAHATHIR-PELAJAR 3 SYDNEY.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU GEMBIRA KERANA ENCIK HAWKE BERSIMPATI DENGAN MALAYSIA DALAM PERKARA INI.

MENGENAI PENGAWASAN KERAJAAN MALAYSIA TERHADAP PELAJAR-PELAJARNYA DI SEBERANG LAUT TERMASUK YANG MENUNTUT DI AUSTRALIA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PERLU BERBUAT DEMIKIAN SEPERTI JUGA SUDAH MENJADITANGGUNGJAWAB PELAJAR UNTUK BELAJAR.

KERAJAAN PERLU MENGETAHUI KEGIATAN PARA PELAJAR UNTUK MEMBERS. BIMBINGAN YANG BERGUNA KEPADA MEREKA SUPAYA MEREKA TIDAK TERLIBAT DALAM KEGIATAN-KEGIATAN YANG TIDAK DIINGINI.

+ BAGI PARA PELAJAR YANG DITAJA OLEH KERAJAAN MEREKA TERIKAT DENGAN KONTRAK MASING-MASING SUPAYA BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BERKHIDMAT DENGAN NEGARA SETELAH TAMAT PENGAJIAN MEREKA NANTI. +

BELIAU BERHATA DALAM HUBUNGAN PELAJAR-PELAJAR PERSENDIRIAN, KERAJAAN MASIH PERLU MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA MEREKA KERANA APABILA MEREKA MENGHADAPI KESUSAHAN MEREKA AKAN MENGHUBUNGI WAKIL MALAYSIA UNTUK Mendapatkan BANTUAN. --LAGI

MAHATHIR-PELAJAR 4 SYDNEY

(1)

TERDAHULU DARI ITU, SEORANG WAKIL PELAJAR ENCIK FELIX CHONG BERIKRAR AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA KERAJAAN DI BAWAH PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG KATANYA, TELAH MEMBAWA BANYAK KEMAJUAN KEPADA NEGARA.

BELIAU BERKATA WALAUPUN TERDAPAT PARA PELAJAR DI SINI YANG MEMBANGKANG BEBERAPA POLISI KERAJAAN, TETAPI IA TIDAK MEWAKILI PENDAPAT MAJORITI PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA.

+ IADISUARAKAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN MINORITI YANG BUKAN WARGA NEGARA DAN TIDAK PERNAH MENJEJAK KAKI DI MALAYSIA, + KATA ENCIK CHONG.

SEKETIKA SEBELUM DIALOG ITU BERMULA, DUA KUMPULAN BELIA YANG BERTENTANGAN SERAMAI 20 ORANG MENGADAKAN DEMONSTRASI SECARA AMANDI DEPAN HOTEL SHERATON-WENTWORTH TEMPAT PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA MENGINAP.

KUMPULAN ANTI-KERAJAAN, YANG SEMUANYA BERTOPENG ITU BERKATA MEREKA MENGADAKAN DEMONSTRASI ITU SEBAGAI MEMBANTAH APA YANG DISIFATKAN OLEH MEREKA SEBAGAI PELANGGARAN HAK-HAK ASASI MANUSIA OLEH KERAJAAN MALAYSIA TERMASUK PENGINTIPAN TERHADAP KEGIATAN-KEGIATAN PELAJAR DI LUAR NEGERI. --LAGI

MAHATHIR - PELAJAR 5 SYDNEY (AKHIR)

+ PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA DAN NEGARA-NEGARA LAIN MENGHADAPI ANCAMAN BALAS APABILA MEREKA PULANG, + JURUCAKAP KUMPULAN ITU, CIK RUTH JOST BERKATA DALAM SATU KENYATAAN.

KATANYA, KUMPULAN ITU YANG TERDIRI DARI ANGGOTA KESATUAN PELAJAR UNIVERSITI NEW SOUTH WALES TERPAKSA MENUTUP MUKA MEREKA SUPAYA TIDAK DIKENALI UNTUK MENGELAKKAN MEREKA DAN KAUM KELUARGA MEREKA DIMALAYSIA DARI ANCAMAN POLITIK.

BAGAIMANAPUN, DIDAPATI TIDAK SAMPAI DUA ORANG ANGGOTA KUMPULAN ITU RAKYAT MALAYSIA.

KUMPULAN ANTI-KERAJAAN ITU DITENTANG OLEH KUMPULAN PRO-KERAJAAN YANG TERDIRI DARI PELAJAR-PELAJAR DI SINI.

MEREKA MENYANYIKAN LAGU-LAGU PATRIOTIK DAN MENUDUH BELIA-BELIA YANG BERTOPENG ITU TIDAK LANGSUNG MENGETAHUI KEADAAN DIMALAYSIA. --BERNAMA